

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, 4 December, 2019 9:34 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Cipta Games Tingkat Kesedaran Generasi Muda Bayar Zakat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

4 DISEMBER 2019 / 7 RABIULAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

CIPTA GAMES TINGKAT KESEDARAN GENERASI MUDA BAYAR ZAKAT



UUM ONLINE: Dalam dunia serba pantas dan canggih di era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), *games* bukan sekadar untuk bermain atau berhibur semata-mata malah berupaya meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang muda untuk membayar zakat melalui *gamification*.

Masyarakat Islam Malaysia umumnya mengetahui kewajipan zakat fitrah yang dibayar selalu dibuat pada Ramadan dan hari raya, namun kesedaran membayar zakat lain seperti zakat pendapatan individu, syarikat dan emas masih rendah di kalangan orang muda dan masyarakat Malaysia.

Hakikat ini memberi idea kepada kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Dr. Rohafiz Sabar dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) untuk mencipta *games* yang dikenali sebagai 'Jom Pay Zakat'.

"Matlamat Jom Pay Zakat adalah untuk menggalakkan golongan muda mengaplikasikan pengetahuan dan teori yang diperolehi dalam kuliah ke dalam persekitaran pembelajaran yang ditunjukkan dengan jelas untuk memahami secara mendalam," ujarnya.

Menurutnya, *gamification* adalah alternatif yang berkesan dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap pengurusan zakat di kalangan masyarakat Islam termasuk generasi muda dan pelajar dalam pembelajaran di STML dan UUM.

"Melalui *service learning*, pelajar membangunkan *gamification* dengan menginterasi teori asas dalam pengurusan logistik dan kewangan sosial Islam di mana *gamification* ini telah diuji oleh 400 pelajar UUM.

"Dengan menggunakan *gamification approach* didapati peratusan kesedaran terhadap pembayaran zakat orang muda meningkat dari 22% kepada 78%," katanya ketika membentangkan kertas kerja pada Seminar Antarabangsa Zakat, Cukai, Wakaf dan Pembangunan Ekonomi (ZAWED) 2019 anjuran Institut Penyelidikan Dan Inovasi Zakat (IPIZ) UUM dengan kerjasama Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN) di Hotel Adya, Langkawi.

Penyelidikan berasaskan produk ini mengintegrasikan perkhidmatan dan pembelajaran mendalam membabitkan pelajar, pusat pengajian, perniagaan, organisasi bukan keuntungan dan kerajaan rakan kongsi untuk mempromosikan akses kepada perkongsian.

Menurutnya, *gamification* ini merupakan inovasi pendidikan terkini hasil kolaborasi Lembaga Zakat Kedah, Institut Penyelidikan Dan Inovasi Zakat (IPIZ) UUM dan The Centre for Logistics and Transport (CeLT) UUM.

Dalam pada itu katanya, ZAWED 2019 bagus bagi akademik, profesional, pengamal, pelajar dan kumpulan sasaran untuk berkongsi ilmu, kepakaran, pengalaman dalam pengurusan kewangan sosial Islam seperti Zakat dan Wakaf.

Seperti wakaf, *remodeling* diperlukan untuk memastikan wakaf diperluas, bukan sahaja dengan masyarakat memberi sumbangan al-Quran dan telekung, malah sumbangan wakaf boleh diperluas dengan pembinaan hospital, rumah orang tua, terminal illness patients, rumah rehat bagi masyarakat Islam dan Malaysia.

"Insya-Allah, UUM dalam perancangan untuk berkerjasama dengan Universiti Malaya untuk membangunkan *model hospice logistics* dan wakaf bagi kegunaan *terminal illness patients* (kanser dan stroke) dan *palliative care* buat umat Islam di Malaysia," tambahnya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.